

14/10/2003

Elemen kesedihan pada sidang terbaik

M Thillinadan

SIDANG Kemuncak Asean ke-9, adalah di antara yang terbaik pada pandangan saya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sidang kemuncak kali ini tidak sepenuhnya bebas daripada elemen kesedihan kerana ini adalah sidang kemuncak terakhir bagi seorang rakan sejawatan yang kami sayangi, seorang sahabat yang rapat dan seorang pemimpin yang sangat dihormati oleh semua. Kami mengucapkan perpisahan kepada Bapak Mahathir," kata Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri.

Kata-kata dua pemimpin itu yang dibuat di tempat berasingan adalah gambaran terbaik kesimpulan mengenai Sidang Kemuncak Asean Ke-9 yang diadakan di Nusa Dua, Bali, Indonesia, antara 3 hingga 8 Oktober lalu. Yang terbaik, tetapi tidak lari daripada elemen kesedihan.

Terbaik kerana pelbagai pencapaiannya, semangat kerjasama dan pemahaman antara pemimpin, sedih kerana ini sidang kemuncak Asean terakhir bagi Dr Mahathir - yang menghadiri sebahagian besar daripada sidang kemuncak itu sejak kali pertama diadakan, juga di Bali pada 1976.

Berita Megawati sebak pada majlis khas untuk Dr Mahathir, mendapat liputan meluas di seluruh Asia Tenggara, apa lagi di Malaysia dan Indonesia.

Akhbar Media Indonesia menggunakan tajuk "Megawati Melepas Mahathir Sambil Terisak" manakala Jawa Pos pula menggunakan "Air Mata Mega Lepas Mahathir." Berita air mata Megawati bukan saja menggemparkan rakyat Indonesia, tetapi juga mengejutkan wartawannya.

Malah, ada di antara mereka menitiskan air mata melihatkan kesedihannya. Penghormatan yang diberi kepada Dr Mahathir adalah sesuatu yang bersejarah kerana ini kali pertama dalam usia 36 tahunnya, seorang pemimpin Asean diberikan perpisahan sebegitu rupa.

Sebagai simboliknya, Megawati menyampaikan momento berbentuk potret ketua kerajaan negara Asia Tenggara yang diambil pada perasmian sidang kemuncak itu. Potret itu ditandatangani semua ketua negara.

Pada sidang kali ini sebanyak lapan dokumen ditandatangani dan yang bersejarah ialah Deklarasi Asean Concord II atau lebih dikenali sebagai Bali Concord II dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC) dengan China serta India.

Bali Concord II adalah komitmen kali pertama ketua negara Asia Tenggara untuk melahirkan Komuniti Asean menjelang 2020. Bali Concord I ditandatangani lima negara pengasas Asean iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand di Bali ketika sidang kemuncak pertama pada 1976.

Mengikut deklarasi itu, sebuah Komuniti Asean akan diwujudkan pada 2020 merangkumi tiga tonggak utama iaitu Komuniti Keselamatan Asean (ASC), Komuniti Ekonomi Asean (AEC) dan Komuniti Sosial Budaya Asean (ASCC) untuk mewujudkan keamanan berpanjangan, kestabilan dan perkongsian kekayaan di rantau Asia Tenggara.

Melalui ASC, Asean berharap menjadi sebuah rantau yang aman, makmur dan stabil serta terus menghormati hak negara anggota untuk membuat dasar luar negara dan perjanjian pertahanan mereka sendiri, dengan mengambil kira keadaan politik, ekonomi dan keadaan sosialnya.

Bagaimanapun, perlu diketahui bahawa Asean tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi sebuah blok pertahanan atau memiliki dasar luar bersama. Bali Concord II juga menyemai nilai bersama seperti perbincangan dan rundingan serta bertukar maklumat dalam isu seperti pencemaran alam

sekitar dan keselamatan maritim serta menyelesaikan isu lama antara negara melalui rundingan.

AEC pula mendokong kelahiran pasaran tunggal Asean dan pangkalan pengeluaran, dengan pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan dan modal ke arah mengintegrasikan ekonomi Asean seperti termaktub dalam Wawasan 2020 Asean.

Untuk melancarkan pergerakan pelaburan dan perdagangan, AEC akan merangka pelan untuk mengintegrasikan sektor kewangan dan menjadikan Asean pasaran yang mempunyai daya saing.

AEC juga akan mengintegrasikan ekonomi di kalangan 10 negara anggota melalui kerjasama pembangunan dan teknikal untuk mengatasi ketidaksamaan kemajuan di kalangan negara anggota serta membantu pembangunan ekonomi di Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam, supaya integrasi ekonomi Asean dikongsi bersama semua negara anggota.

Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong, menyifatkan AEC sebagai 'satu strategi inisiatif ekonomi untuk meningkatkan kedudukan Asia Tenggara sebagai kawasan yang memiliki daya saing.'

ASCC bercita-cita untuk mewujudkan sebuah masyarakat Asean yang penyayang. Selain itu, ia akan meningkatkan kerjasama untuk memajukan taraf hidup penduduk, pendidikan, pengangguran, mencegah penyakit berjangkit seperti HIV/Aids dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), pencemaran alam sekitar dan pencemaran melepasi sempadan.

Indonesia diberi tanggungjawab untuk menyediakan pelan tindakan untuk ASC, manakala Filipina akan merangka pelan tindakan bagi ASCC. Kedua-dua pelan tindakan itu akan diserahkan kepada mesyuarat Menteri Luar Asean yang akan diadakan di Jakarta, Julai 2004, sebelum diterima oleh ketua kerajaan pada Sidang Kemuncak Asean ke-10 di Vientiane, Laos, pada November 2004. Pelan Tindakan Ekonomi Bali untuk AEC sudah diluluskan di Bali.

Pencapaian Bali Concord II boleh disimpulkan melalui kata-kata Megawati selepas ia ditandatangani: "Bali Concord II akan melahirkan Komuniti Asean yang akan membolehkan anak kita dan anak mereka untuk hidup dalam persekitaran aman, stabil dan kemakmuran yang dikongsi bersama."

Sejarah juga terukir di Bali apabila buat pertama kali, dua negara di luar keluarga Asean iaitu China dan India menandatangani untuk menyertai TAC. Perjanjian itu pada asalnya ditandatangani Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand di Bali pada 1976.

Russia akan menjadi negara ketiga di luar Asean menyertai TAC, apabila menandatangani perjanjian ke arahnya pada Julai 2004 ketika mesyuarat peringkat menteri Asean di Jakarta. TAC adalah sebuah dokumen yang mengikat negara yang menandatangani menggunakan ancaman atau kekuatan tentera terhadap negara anggota lain.

Prinsip utama TAC ialah negara anggota tidak boleh menggunakan sebarang kekerasan ketenteraan, menghormati kedaulatan dan wilayah setiap negara anggota, tidak campur tangan dalam hal ehwal domestik negara lain dan penyelesaian secara aman sebarang konflik.

Keputusan China dan India untuk menjadi ahli TAC bersama 10 negara Asean, menunjukkan kedua-dua berkenaan menerima konsep TAC sebagai 'kod etika' untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau.

Diplomat Malaysia menyifatkan penyertaan kedua-dua negara nuklear itu dalam TAC akan memberi lebih kredibiliti dan jaminan keamanan berpanjangan di rantau ini.

Asean kini sedang menjual idea itu (penyertaan dalam TAC) kepada Jepun dan Korea Selatan, yang difahamkan keberatan kerana hubungan rapat mereka dengan Amerika Syarikat.

Walaupun TAC bukan pakatan pertahanan, penyertaan China, India dan Russia dilihat sebagai tamparan kepada Amerika dan usaha Asean

meningkatkan hubungan dengan negara Russia dan China untuk mengimbangi kekuatan Amerika di rantau ini.

Walaupun sidang kali ini dilihat yang terbaik, beberapa isu sensitif terus menghantui Asean, khususnya yang membabitkan Myanmar dan pemimpin demokrasinya, Aung San Suu Kyi, sehingga hampir mengheret sidang Asean daripada agendanya.

Pemimpin Asean mengambil pendekatan Dr Mahathir bahawa Myanmar perlu diberi masa untuk menyelesaikan pelbagai tekanan domestiknya sebelum mencapai demokrasi penuh. Malah, pemimpin Asean pada akhir mesyuarat Asean+3, menyuarakan kepuasan mereka dengan perkembangan di Myanmar, khususnya proses pembaharuan ke arah demokrasi.

Hanya Jepun dilihat memberi amaran keras ketika pertemuan empat mata Perdana Menteri Myanmar, Khin Nyunt dan rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi. Jepun adalah negara penderma terbesar kepada Myanmar.

Koizumi terus terang memberitahu Khin Nyunt: "Saya mahu kamu memadam kebimbangan masyarakat antarabangsa. Saya juga mahu kamu wujudkan persekitaran sesuai bagi membolehkan Jepun terus bekerjasama dengan Myanmar."

Jepun menghentikan semua bentuk kewangan kepada Myanmar sejak 30 Mei lalu selepas junta menahan Suu Kyi. Jepun dikatakan memberi amaran tidak akan menyambung balik bantuan selagi demokrasi tidak diwujudkan.

Amaran keras Jepun adalah bertentangan sama sekali dengan pendirian Asean yang seolah-oleh memuji junta kerana sudah memulakan proses demokrasi.

Media barat turut menyoal Dr Mahathir sama ada beliau kesal kerana membawa masuk Myanmar ke dalam Asean ketika Malaysia menjadi pengerusinya pada 1997. Perdana Menteri mengulangi pendiriannya bahawa Myanmar tidak boleh dibiarkan persendirian, ia hanya boleh menjadi demokrasi dengan bantuan dan sokongan negara lain.

Menurut Dr Mahathir, `ubat' yang dicadangkan kuasa besar iaitu sekatan ekonomi dan pemulauan hanya akan mengakibatkan rakyat biasa merana.

"Sekatan akan mengakibatkan rakyat Myanmar menderita dan ia adalah cara kejam untuk menyebarkan ideologi yang baik seperti demokrasi. Jika demokrasi itu baik, pendekatan seumpama itu tidak boleh digunakan," katanya pada akhir sidang itu.

Sidang Kemuncak Asean ke-9 menjadi bukti Asean sebagai sebuah pertubuhan serantau adalah antara yang paling aktif dan bersatu, malah sudah memikat banyak negara di timur dan selatan Asia untuk menawar menjadi ahlinya. Ada juga negara di luar Asia menunjukkan minat terhadap Asean.

Ia akan terus relevan jika nasihat terakhir Dr Mahathir kepada Asean dijadikan panduan pada setiap masa: "Kita sudah buktikan kepada dunia kekuatan kita. Tetapi kita tidak boleh leka. Kita mesti terus bergerak tanpa berkompromi prinsip yang mengikat kita, iaitu tidak campur tangan dalam hal ehwal negara anggota lain, membuat keputusan berdasarkan konsensus, ketahanan kebangsaan dan rantau, menghormati kedaulatan negara anggota, tidak menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan pertelingkahan antara kita."